

24 JUN 1999

Mahathir-Pilihan raya

PARTI KOMPONEN BN DIARAH GERAKKAN JENTERA PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing.

"Ya, mereka kena bersedia dari sekarang," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir, Pengerusi BN dan Presiden Umno, berkata pilihan raya umum "boleh diadakan bila-bila masa".

Dr Mahathir berkata BN tidak boleh "berlengah-lengah walau sesaat pun."

Ketika ditanya sama ada pilihan raya perlu diadakan awal memandangkan BN sudah bersiap sedia, beliau berkata pilihan raya boleh diadakan pada bila-bila masa sahaja, tidak kira awal atau lambat.

"Mungkin tahun ini, mungkin tahun depan, mungkin sebulan lagi, mungkin dua bulan lagi, tiga bulan, empat bulan...", kata beliau.

Perdana Menteri berkata persefahaman di antara komponen BN adalah baik.

Katanya semua parti komponen BN telah bersetuju dengan nasihatnya supaya sebarang perselisihan antara mereka diketepikan.

Beliau berkata mereka bersetuju untuk merapatkan barisan bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

"Sebarang perselisihan antara parti atau pemimpin-pemimpin parti (komponen BN) mestilah dimasukkan di dalam 'freezer.' Kita simpan dan bekukan sehingga selepas pilihan raya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata BN akan menghadapi pilihan raya umum akan datang "sebagai satu parti yang kukuh dan bersepadu".

Beliau berkata pada mesyuarat hari ini, para pemimpin parti komponen BN juga bertukar-tukar fikiran mengenai isu-isu dalam negara yang boleh digunakan untuk faedah BN pada pilihan raya seperti keadaan ekonomi yang bertambah baik.

Kata beliau, mereka bersetuju bahawa antara perkara yang harus ditangani oleh BN ialah masalah-masalah berkaitan pembangunan luar bandar.

Dr Mahathir berkata perhatian serius harus diberikan kepada pembangunan luar bandar kerana ia merupakan "kekuatan BN".

"Kita percaya kita dapat menyelesaikan banyak masalah termasuk masalah pendidikan dan sebagainya supaya apabila kita mengadakan pilihan raya, masalah-masalah ini sudahpun diselesaikan," kata beliau.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN itu, yang pertama bagi tahun ini, dihadiri ketua-ketua atau wakil semua 14 parti komponen BN.

BN dianggotai Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP, semuanya berpusat di Semenanjung; LDP, Akar, PDS, PBRS dan SAPP (Sabah) dan PBB, SUPP, PBDS dan SNAP (Sarawak).

Ketika ditanya sama ada tempoh kempen pilihan raya akan dipendekkan, Dr Mahathir berkata ia adalah seperti biasa (iaitu kurang daripada dua minggu).

"Kita tak ada kempen yang panjang-panjang kerana kita dapati, ia akan menyebabkan ketegangan, dan ini tidak sihat.

"Kita tak boleh lupa tentang peristiwa 1969 yang tempoh berkempen pada waktu itu ialah enam minggu dan dalam masa itu serangan berlaku sehingga kita tahulah, rusuhan di Kuala Lumpur," kata beliau.

Kepada satu soalan, beliau berkata semakan BN terhadap kebanyakan pengundi baru yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) baru-baru ini, mendapati mereka adalah "penyokong-penyokong BN".

"Jadi tak jadi masalah (bagi BN untuk memenangi pilihan raya)," kata beliau.

Pada awal persidangan berita itu, Dr Mahathir hampir memberi kejutan kepada wartawan apabila memberitahu bahawa BN telah "menetapkan bahawa pilihan raya akan diadakan tidak lewat daripada bulan Jun tahun depan".

Perdana Menteri berkata mesyuarat itu juga menumpukan kepada persiapan yang harus dibuat oleh BN bagi menghadapi pilihan raya.

Dr Mahathir juga mengumumkan pelantikan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam sebagai Pengerusi BN negeri manakala Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob akan mengekalkan jawatannya sebagai Pengerusi BN Pahang.

-- BERNAMA

ES AFY PR